

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) melakar sejarah tersendiri dalam bidang pendidikan negara apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 14 universiti terkemuka di Indonesia.

MoU yang ditandatangani serentak itu bertujuan menjalin kerjasama erat antara dua negara bukan saja dalam aspek pendidikan malahan dalam pelbagai bidang pada masa depan.

Naib Canselomya, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata program kerjasama berimpak tinggi itu antara lain bertujuan meningkatkan kerjasama akademik dan bukan akademik dengan institusi luar negara sebagai strategi menjadikan IPTA berkenaan sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.

"Kerjasama dengan 14 universiti terkemuka di negara jiran ini adalah antara usaha kami untuk memperkenalkan sektor pendidikan tinggi kami di peringkat antarabangsa selain meningkatkan bilangan pelajar pasca siswazah UUM.

"Kita percaya kerjasama ini akan menambah dimensi baru dalam sektor pendidikan tinggi negara selain membolehkan kita membuka lebih banyak cawangan UUM di sini serta program pertukaran pelajar dan pensyarah antara kedua-dua negara," katanya ketika berucap di majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan 14 universiti Indonesia sempena Program High Impact Jakarta, di sini pada 23 Julai lalu.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan 14 universiti Indonesia turut disaksikan oleh Menteri Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Drs H Suharna Surapranata M T.

Antara 14 universiti itu ialah Universitas Indonesia, Universitas Diponegoro, Universitas Padjajaran, Universitas Udayana, Universitas 11 Maret, Universitas Hasanuddin Makasar, Universitas Negeri Jakarta dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.

Selebihnya adalah Universitas Paramadina, Universitas Ahmad Dahlan, Universitas Sanggabuana, Universitas Ibn Kaldun, Universitas 17 Agustus dan Universitas Islam Riau.

Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata kolaborasi tersebut bukan sahaja dapat memberi input melalui bidang pendidikan, malah ia juga dapat meningkatkan kerjasama antara dua buah negara pada masa depan.

"Tujuan kita mengadakan program ini untuk memberi impak yang tinggi dalam bidang pendidikan tinggi kerana apa yang dilakukan UUM ini cukup inovatif disebabkan tidak ada MoU yang ditandatangani secara serentak dengan 14 buah universiti dalam masa yang sama.

"Kita mengharapkan kerjasama ini juga akan mengeratkan hubungan kita dengan universiti di negara tersebut seterusnya membolehkan kita membuka dengan lebih banyak cawangan universiti di Indonesia di samping tumpuan pertukaran pelajar dan pensyarah, penyelidikan, pembangunan sumber manusia dan sebagainya.

"Selain itu, jika kita lihat pelajar dari Indonesia ada 800 orang dan merupakan pelajar asing paling ramai yang belajar di UUM, jadi melalui kerjasama ini, kita harap jumlah pelajar dari negara tersebut yang melanjutkan pelajaran ke universiti ini akan bertambah," katanya.

Beliau juga tidak menolak sekiranya terdapat universiti tempatan yang ingin menjalinkan kerjasama dengan universiti di negara tersebut kerana beliau beranggapan tidak semua kursus yang ditawarkan universiti terbabit terdapat di UUM.

"Kita sedia bantu rakan-rakan universiti lain yang ingin menjalinkan kerjasama dengan universiti di Indonesia kerana kita mungkin tidak dapat memenuhi semua keperluan itu," katanya.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my